



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KESIHATAN PACU KESEJAHTERAAN WANITA

JOHOR BAHRU, 24 FEBRUARI: Dato' Sri Dr Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 (SHWA25) Peringkat Zon Selatan yang diadakan di AEON Mall Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Selatan ini merupakan lokasi ke-3 jelajah SHWA25 selepas Zon Borneo di Sarawak, Zon Timur di Terengganu dan menyusul ialah sambutan peringkat Zon Tengah di Negeri Sembilan dan Zon Utara di Perak.

SHWA25 mengangkat tema 'Wanita Berinspirasi, Membina Legasi' mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, ekonomi dan politik. Bagi SHWA25 Zon Selatan ini memfokuskan kepada segmen kesihatan yang amat penting kepada wanita yang menjadi tonggak kepada kesejahteraan keluarga serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Dato' Sri Dr Noraini Ahmad dalam ucapannya berkata wanita bukan sahaja memainkan peranan sebagai ibu, isteri dan anak tetapi turut berperanan sebagai penyumbang tenaga kerja yang penting dalam memacu ekonomi negara. Justeru faktor kesihatan wanita merupakan elemen penting yang perlu diambil perhatian dalam usaha meningkatkan kesejahteraan wanita.

Katanya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) komited melaksanakan pelbagai usaha bagi membantu wanita dalam aspek kesihatan seperti menguruskan tekanan dan mencapai keseimbangan dalam kehidupan serta membentuk persekitaran yang lebih kondusif. Program sokongan psikososial, kaunseling dan inisiatif kesihatan mental juga diperluas agar semua wanita, tanpa mengira latar belakang mendapat bantuan sewajarnya. Ini selari dengan konsep Kerajaan MADANI yang sentiasa memastikan hak dan kebijakan wanita sentiasa terbela.

Inisiatif-inisiatif ini diambil atas kesedaran bahawa wanita berisiko dua kali ganda lebih murung berbanding lelaki. Hal ini terbukti berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 yang melaporkan bahawa 26.9% remaja memenuhi kriteria kemurungan dengan *prevalens* lebih tinggi dalam kalangan perempuan (36.1%) berbanding lelaki (17.7%).

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Zon Selatan dan SHWA25 secara keseluruhnya diharap dapat meningkatkan kesedaran serta menyebarluaskan pengetahuan tentang cabaran yang dihadapi wanita hari ini serta inisiatif-inisiatif yang disediakan kerajaan MADANI bagi membantu mereka di luar sana.

Sebagai negara yang menandatangani Deklarasi Beijing pada tahun 1995, Malaysia mara mengorak langkah untuk memastikan bahawa prinsip kesaksamaan gender dan hak asasi manusia akan terus ditegakkan.

Turut hadir YB Datuk Hajah Kalsom binti Nordin, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Melaka, Puan Norliyati binti Md. Nor, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pemantauan Projek & Kesejahteraan Rakyat), YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah JPW dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWKM.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
24 FEBRUARI 2025**